

16 FEB 2003

RAFIDAH-JEPUN/I

JEPUN SETUJU KONSEP CEP KE ARAH FTA MALAYSIA-JEPUN

Oleh: Mohd Kamel Othman

TOKYO, 16 Feb (Bernama) -- Jepun telah bersetuju dengan konsep lengkap Kerjasama Ekonomi Lebih Rapat (CEP) yang disyorkan Malaysia bagi membuka jalan ke arah Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) Malaysia-Jepun yang meluas, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

"Kami bersama-sama bersetuju bahawa ia akan di bawa ke peringkat pegawai," katanya selepas mengadakan perbincangan dengan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun Takeo Hiranuma di pinggiran mesyuarat tidak rasmi peringkat menteri mengenai isu-isu Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di sini hari ini.

Mesyuarat tiga hari yang berakhir hari ini itu dihadiri oleh para menteri dari 22 buah ekonomi.

"Bermula sekarang, ia akan dibincangkan di peringkat pegawai dengan rujukan balik kepada para menteri," katanya.

Beliau menambah bahawa Malaysia kini menunggu cadangan balas daripada Jepun tentang format CEP itu.

Beliau memberitahu bahawa CEP itu akan meliputi bidang kerjasama teknikal, pemindahan teknikal dan lanjutan Dasar Pandang Ke Timur.

Apa yang telah dipersetujui para pemimpin kedua-dua negara kini dikendalikan di peringkat menteri, katanya.

FTA dua hala Malaysia-Jepun diumumkan Disember lepas ketika Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menemui rakan sejawatannya di Jepun, Junichiro Koizumi, dalam lawatan beliau ke negara itu.

Ditanya mengenai sektor yang akan dibuka, Rafidah berkata: "... ia akan meliputi liberalisasi barangan dan perkhidmatan serta melihat kepada senarai sensitif agar tidak menghadapi halangan."

Adalah penting kedua-dua pihak faham sektor-sektor yang sensitif kepada setiap negara, katanya.

"Contohnya, kita bercakap tentang liberalisasi secara progresif iaitu sekiranya kita boleh buka, kita akan buka," katanya.

Tentang bilakah FTA akan dilaksanakan, Rafidah berkata: "Lebih awal adalah lebih baik kerana ia akan memberi faedah kepada sektor swasta. Sasaran kita adalah dalam tempoh 10 tahun sekiranya kita bercakap dalam konteks Asean."

Beliau turut memberitahu bahawa Malaysia telah juga menyerahkan unsur-unsur utama yang harus merangkumi FTA.

Ditanya bilakan produk Malaysia ke Jepun boleh menikmati potongan atau pengecualian tarif, beliau berkata ia bergantung kepada kepantasan usaha para pegawai.

"Bagi Malaysia, kita telah bergerak dalam menganalisa kedudukan kita dengan Jepun. Kini, masanya telah tiba untuk pihak Jepun berbuat begitu," katanya. -- BERNAMA

MKO FR JR